

Miliki tiket loteri haram, wanita didenda RM700

MIRI: Gara-gara memiliki sekeping tiket loteri haram, seorang wanita didenda RM700 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret semalam.

Diana Puso, 24, dari Desa Senadin di sini telah didakwa mengikut Seksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan dihukum di bawah seksyen yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati ada memiliki sekeping kertas yang mengandungi catatan nombor ekor yang merupakan nombor loteri awam haram.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 5.45 petang, 7 November lalu di sebuah lot di Jalan Sena, Desa Senadin di sini.

Pendakwaan kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mohammad Helmi Abdul Jani. Manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.